

Gaji bulanan untuk 250,000 pekerja ladang

BH - 2 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini memberi maklum balas positif berhubung pelaksanaan skim gaji bulanan tetap bagi lebih 250,000 pekerja ladang.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata inilah kali pertama Kabinet memberi jaminan akan menyelesaikan isu itu yang sudah berlarutan sejak lebih seabad lalu.

Beliau berkata, Kabinet mengarahkan supaya satu laporan lengkap dikemukakan untuk pertimbangan jemaah menteri Rabu depan.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan menemui Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, bagi membincangkan penyesuaian tangga gaji yang munasabah bagi pekerja ladang.

"Kajian terhadap tangga gaji pekerja ladang sejak lima tahun lalu serta gaji bulanan sekarang akan dijadikan asas bagi merumus gaji bulanan purata pekerja ladang.

"Saya yakin usaha kali ini akan berhasil kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri

bersetuju campur tangan untuk menyelesaikan isu itu," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat Kabinet, hari ini.

Beliau berkata, kebajikan pekerja ladang tidak wajar dianggap masalah masyarakat India saja kerana kajian mendapati pekerja India hanya 39 peratus, diikuti Bumiputera (38 peratus) manakala selebihnya warga asing dan pekerja kontrak.

Difahamkan, Kabinet bersetuju menyelesaikan isu itu berikutan kegagalan Kesatuan Kebangsaan Pekerja

Ladang (NUPW) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) mencapai kata sepakat dalam perjumpaan sebelum ini.

Mapa dikatakan gagal memenuhi beberapa tuntutan NUPW dalam mesyuarat baru-baru ini menyebabkan pekerja ladang bercadang mengadakan piket secara besar-besaran, tetapi Samy Vellu dan Dr Fong menasihatkan mereka tidak berbuat demikian.

Samy Vellu berkata, Setiausaha

LIHAT MUKA 2, RUANG 3

Kabinet arah Kementerian Sumber Manusia bincang dengan Mapa, NUPW

DARI MUKA 1

BH -- 2 MAR 2000

Agung NUPW, G Sankaran, memaklumkan kepada beliau mengenai cadangan mengadakan piket itu dan beliau sudah menasihatinya supaya tidak bertindak terburu-buru, tetapi menyelesaikannya menerusi perbincangan.

Sementara itu, Dr Fong berkata, Kabinet mengarahkan Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan berterusan dengan Mapa dan NUPW untuk mencari jalan penyelesaian mengenai masalah berbangkit termasuk gaji dan skim perumahan.

"Kerajaan mengakui sumbangan pekerja ladang terhadap pembangunan ekonomi negara, justeru kita mahu apa-apa jua penyelesaian akan menjamin kebajikan pekerja dan majikan.

"Kementerian akan mencari jalan terbaik

untuk merumus gaji bulanan tetap yang munasabah dan dipersetujui semua pihak," katanya.

Mengenai nasib pekerja ladang yang bertukar daripada penanaman getah kepada kelapa sawit, Dr Fong berkata satu kertas kerja mengenai akan dibentangkan kepada Kabinet, secepat mungkin.

"Kita harap majikan bertimbang rasa dengan menyediakan latihan supaya pekerja sektor perladangan dapat menambah pengeluaran, sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Tenaga Rakyat juga bersedia membantu mencari kekosongan pekerjaan di sektor perkilangan untuk mereka yang diberhentikan oleh pemilik ladang.